

AUDIT PEMERIKSAAN SEMULA

(REVIEW AUDIT)

- 1.** *Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan akan melantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit pemeriksaan semula sekali setahun untuk memperbaharui sijil MyGAP atau apabila terdapat perpindahan premis, guna teknologi baru serta perubahan pihak pengurusan.*
- 2.** *Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan pegawai audit dan pemohon.*
- 3.** *Audit pemeriksaan semula dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, GAHP, GAP dan audit lapangan.*
- 4.** *Sekiranya terdapat ketidakakuratan (CAR), tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.*
- 5.** *Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh 6 (enam) bulan dari tarikh CAR akan menyebabkan permohonan dibatal.*
- 6.** *Pegawai Audit menyediakan dan menyerahkan laporan kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti untuk pertimbangan.*
- 7.** *Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan.*